

20/08/2003

Petunjuk Pas iktiraf Malaysia negara Islam: Dr Mahathir

Kadir Dikoh

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Pas untuk menggugurkan hasrat menubuh negara Islam dan mengubah pendirian untuk tidak melaksanakan undang-undang Islam, sebagai petunjuk jelas bahawa parti itu mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam yang maju.

Perdana Menteri berkata, dunia terutama semua negara Islam mengakui dan mengiktiraf Malaysia bukan saja sebagai negara Islam yang maju, malah sebagai contoh negara Islam yang ingin mereka ikuti.

"Semua bercakap macam itu, bukan saja Presiden Bashar Al-Assad (Syria) dan Presiden Algeria Abdelaziz (Bouteflika), tapi semua yang saya berjumpa... peniaga, pegawai kanan kerajaan, menteri kedua-dua negara.

"Mereka kata inilah negara Islam yang mereka ingin contohi dan ingin mendapat lebih banyak maklumat daripada kita. Mereka nak tahu cara mana kita dapat bangunkan sebuah negara, sedangkan dunia berkata negara Islam tak mungkin (boleh maju)... tetapi kita bukti bahawa negara Islam mempunyai kebolehan untuk mencapai kemajuan tanpa membelakangkan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini sekembalinya dari lawatan ke Algeria, Swaziland dan Syria, semalam.

Beliau yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut beberapa Menteri Kabinet termasuk Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Kewangan, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang dipetik sebagai berkata, Pas akan melaksanakan undang-undang Islam di negeri yang diperintah oleh parti itu, manakala di negeri lain terpulang kepada parti dalam pakatan pembangkang yang menguasai negeri berkenaan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menyifatkan tindakan Pas itu adalah untuk menipu rakyat.

"Jadi nak tipu, nak tipu orang Kelantan, orang Terengganu dia janji nak buat negeri Islam, di peringkat Pusat, dia kata tak. Nak pancing undi orang bukan Islamlah. Yang itu tipu helah... orang Malaysia ini tak bodoh, dia tahulah apa tujuan," katanya.

Mengenai gesaan pemimpin asing supaya beliau terus memainkan peranan di negara membangun dan menyumbang tenaga menyatukan umat Islam di dunia walaupun selepas bersara Oktober ini, Dr Mahathir berkata memang banyak gesaan sedemikian.

"Memang adalah yang kata, tak patutlah berhenti terlalu awal. Kalau berhenti pun, saya mestilah membuat sumbangan kepada umat Islam dan macam-macam, " katanya.

Ditanya apakah reaksinya kepada gesaan itu, Perdana Menteri berkata bahawa beliau akan tetap dengan keputusannya untuk berundur.

"Saya akan berhenti dan saya telah memberitahu, setakat mana saya boleh bantu, saya akan bantu. Kepada parti pun saya akan bantu dan bagi lain-lain perkara, kalau saya dijemput bagi menyumbang, saya akan cubalah sedaya upaya saya," katanya.